

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 19 JULAI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 4-100419
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada proses pemilihan ahli-ahli sukan berdasarkan yang disediakan oleh Kementerian bagi mereka yang kurang mampu membeli segala keperluan termasuk makanan seimbang dan vitamin.
2. 29-100410
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi menentukan produk Halal tidak diragui adakah Kementerian bercadang untuk mensyaratkan supaya setiap kilang dan pusat pengeluaran melantik seorang pegawai khas berkelulusan agama. Berapa banyak kilang produk Halal dan berapa banyak jawatan tersebut telah diwujudkan setakat ini.
3. 25-100234
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah peruntukan yang telah diberi kepada 452 buah kampung baru untuk pembangunan 5 tahun kebelakangan ini. Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan tadika tajaan Bahagian Kemajuan Kampung Baru seperti KEMAS di setiap kampung baru seluruh pelosok negara.
4. 21-100149
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada tindakan serta-merta akan diambil untuk menyelesaikan masalah penumpang-penumpang kapal terbang yang tidak dapat menempah tiket sah (confirmed ticket) tetapi kemudian mendapat tahu bahawa terdapat banyak kerusi kosong di dalam penerbangan berkenaan. Masalah ini begitu ketara dihadapi oleh MAS dan menyebabkan kerugian kepada MAS.

5. 45-100204
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tahanan tanpa bicara di bawah Undang-undang Langkah-langkah Pencegahan Khas (LLPK) yang ditahan di Simpang Renggam bagi tahun 2000 hingga 2005.
6. 9-100393
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kakitangan Badan Pencegah Rasuah (BPR) di seluruh negara dan berapa ramaikah yang mempunyai kemahiran khusus di dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan dalam menjalankan tugas penyiasatan dan pendakwaan dengan berkesan.
7. 23-100223
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan pengusaha ikan hiasan yang terdapat di Malaysia dan apakah strategi pihak kementerian supaya graduan-graduan yang menganggur dapat melibatkan diri dalam sektor ini memandangkan permintaan yang begitu tinggi dari luar negara.
8. 42-100136
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada premium yang dikenakan untuk Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan adalah sama untuk semua rakyat atau mengikut kemampuan mereka dan syarikat mana yang akan mengelolakan skim ini.
9. 15-100454
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat ini berapakah peruntukan yang telah diagihkan Kementerian ke negeri Kelantan dan mengapakah biarpun dengan bantuan Kerajaan pusat rakyat negeri Kelantan masih gagal menikmati pembangunan pesat seperti yang berlaku di negeri-negeri lain.
10. 17-100195
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia atas setiap reformasi yang dicadangkan untuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini.
11. 51-100276
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membendung unsur fitnah, lucah dan ugutan menerusi Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

12. 18-100080
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi merebut peluang promosi secara besar-besaran di kalangan anggota OIC terutama dalam pengeluaran dan penjualan daging lembu dan makanan berasaskan ayam dan itik.
13. 60-100312
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah pekerja asing tanpa izin yang pulang di bawah program pengampunan tidak mahu masuk semula walaupun proses kemasukan dipermudahkan. Dan apakah program itu sendiri berjaya menangani masalah pемbanjiran pendatang asing tanpa izin ke Malaysia.
14. 72-100087
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah model baru yang akan digunakan Kerajaan di dalam menangani masalah pengurusan air pusat dan negeri kerana kegagalan rancangan kerajaan pusat untuk mengambil alih pengurusan perkhidmatan perbekalan air daripada kerajaan negeri.
15. 65-100048
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah IPTS di seluruh Malaysia dan daripada jumlah itu berapa buah dimiliki oleh rakyat Malaysia sepenuhnya, JV antara orang Malaysia dan bukan Malaysia dan milik orang asing sepenuhnya.
16. 53-100324
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pencaruman KWSP yang tidak dituntut, sila berikan mengikut pecahan kaum dan apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan pencarum-pencarum yang tidak membuat tuntutan balik caruman mereka.
17. 47-100107
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan IPTS yang mendapat program pinjaman daripada PTPTN dan apakah implikasinya apabila Kerajaan mengumumkan bahawa PTPTN tidak akan lagi membiayai pelajar-pelajar di IPTS.

18. 75-100381
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah hasil kutipan yang diperolehi oleh Kerajaan melalui pungutan cukai jalan bagi seluruh kategori kenderaan mengikut negeri antara tahun 1995 hingga Mei, 2005 dan berapakah anggaran kerugian Kerajaan, lanjutan daripada berlakunya pengeluaran cukai jalan palsu yang dikendalikan oleh pihak sindiket dan jumlah tangkapan yang telah dibuat dalam tahun-tahun terlibat serta strategi bagi menyelesaikan masalah tersebut.
19. 43-100002
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam usahanya mewajibkan semua pensyarahnya menjalani latihan industri pada waktu cuti bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan sejajar dengan perkembangan semasa dan adakah dengan peningkatan ilmu industri dan penambahan pengalaman ini menjadi kelebihan pensyarah terbabit untuk kenaikan pangkat dan mendapat biasiswa melanjutkan pelajaran.
20. 46-100034
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pinjaman perumahan kos rendah yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan negeri Kelantan sejak tahun 2000.
21. 61-100347
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapa undang-undang jalan raya tidak lagi dihormati (melanggar lampu merah) khususnya bagi penunggang motosikal. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini agar mereka lebih menghormati undang-undang lalu lintas.
22. 40-100245
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pencemaran sungai-sungai di bandar contohnya yang paling ketara ialah Sungai Kelang; dan
 - (b) adakah langkah-langkah yang telah diambil itu berkesan.

23. 39-100160
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah rancangan persediaan yang akan diambil oleh Kementerian apabila Kerajaan mengumumkan untuk menarik balik subsidi diesel supaya ianya tidak membebankan rakyat miskin di luar bandar khususnya bagi pengangkutan awam.
24. 27-100142
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramaikah OKU yang berkelulusan seperti diploma dan ijazah dalam pelbagai bidang akademik atau kemahiran. Adakah Kementerian bercadang mendapatkan pekerjaan yang sesuai atau menubuhkan persatuan untuk membantu mereka.
25. 62-100434
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai kaedah tertentu untuk mengenal pasti individu atau keluarga yang benar-benar daif dan miskin yang sebenarnya layak diberikan bantuan, dan juga elaun bantuan. Bukannya hanya "mula bekerja" apabila kisah-kisah sedih ini dipaparkan dalam media cetak dan media elektronik.
26. 54-100099
Dato' Sri Empiang Jabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang dihantar ke luar negeri di atas biasiswa Kerajaan yang telah gagal di dalam pengajian mereka dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka memandangkan mereka boleh dikatakan telah membazirkan sumber kewangan negara.
27. 70-100020
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang mengambil tindakan supaya institusi perbankan menghentikan segera tawaran pra-lulus untuk memiliki kad kredit dan promosi besar-besaran yang diadakan di kebanyakan pusat membeli belah kerana ia membuka ruang lebih luas untuk pengguna muflis.
28. 71-100301
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tahap penerapan dan penerimaan konsep Islam Hadhari di kalangan kakitangan awam seluruh negara dan bagaimanakah penerimaan mereka dapat dipanjangkan kepada seluruh rakyat Malaysia sebagai satu langkah untuk menyemai ciri-ciri keperibadian mulia dan berjaya dianjurkan Islam Hadhari.

29. 50-100449
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menggunakan pengaruhnya sebagai Pengerusi OIC dan NAM bagi memantapkan kerjasama pembangunan negara-negara membangun dan mundur untuk menjadi satu kuasa baru ekonomi memandangkan keanggotaan OIC dan NAM terdiri daripada kalangan negara-negara yang kaya dengan khazanah sumber asli.
30. 47-100111
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan setakat manakah langkah-langkah penyelesaian yang telah diambil bagi menangani lapan isu tertanggung di antara Malaysia dengan Singapura.
31. 42-100143
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kementerian tidak mensyaratkan bahawa seseorang itu hanya boleh memegang dua atau tiga kad kredit sahaja dan bank tidak dibenarkan berkempen untuk menambah ahli-ahli di kompleks membeli belah, pejabat-pejabat dan di karnival tertentu bagi mengelak penambahan kes muflis di kalangan orang ramai.
32. 24-100267
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kriteria utama yang digunakan oleh Kerajaan di dalam melaksanakan rundingan perdagangan dua hala dengan negara-negara luar, dan apakah tindakan ini boleh menggugat sistem perdagangan yang sedang diimplementasikan oleh AFTA di semua negara anggotanya.
33. 17-100194
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan masalah yang dihadapi dalam Sistem Taksir Sendiri Cukai Pendapatan dan berapakah peratusan orang ramai yang tidak menghantar borangnya dalam tempoh yang ditetapkan dan berapa peratusan borang yang tidak lengkap dan resolusi Kementerian terhadap masalah tersebut.
34. 60-100297
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah JPJ tidak melaksanakan sistem aduan melalui SMS dan panggilan bebas tol yang dipaparkan di belakang kenderaan pengangkutan awam yang tidak berdisiplin di jalan raya. Sistem sama yang dilaksanakan oleh LPKP dianggap gagal kerana kuatkuasa undang-undang adalah di tangan JPJ.

35. 18-100083
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tindakan-tindakan segera yang telah diambil bagi mengatasi masalah pencerobohan lanun yang memasuki perairan Malaysia dan adakah kawalan keselamatan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
36. 29-100416
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula had laju daripada 110 kmj kepada 130 kmj bagi kereta dan motor terutama bagi pengguna lebuh raya dan adakah Kementerian bercadang untuk mendenda setiap pengguna lebuh raya yang memandu kurang daripada 90 kmj dan mesti menggunakan lorong sebelah kiri.
37. 46-100043
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah MAS membenarkan amalan merokok untuk penerbangan jarak jauh dan adakah Kerajaan akan terus membenarkan MAS menyediakan minuman arak di dalam penerbangan MAS ke luar negara.
38. 62-100440
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang dilakukan kini oleh Kementerian dalam mengawal pencemaran minyak di laut. Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengawal dan adakah kapal-kapal yang mengakibatkan pencemaran ini ditahan dan disaman atau diminta untuk mengeluarkan kos bagi membersihkan laut dari pencemaran.
39. 38-100240
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramaikah bayi-bayi yang telah hilang dalam kejadian mencuri bayi yang berlaku di hospital dan klinik di negara ini dalam tempoh 6 bulan sepanjang tahun ini. Mungkinkah peristiwa sedemikian berlaku kerana tahap penjagaan dan pengawalan bayi-bayi itu tidak cukup ketat seperti yang sewajarnya.
40. 70-100042
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah kedaifan peserta Felcra yang hanya dibayar 50 sen bagi setiap kilogram getah yang ditoreh sedangkan harga pasaran masa kini ialah hampir RM4 sekilogram.

41. 54-100091
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan pusat-pusat pemulihan dadah yang akan didirikan di Sarawak di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan sama ada agensi di Sarawak mempunyai tenaga kerja yang cukup dan berkelayakan bagi mengurus serta memberi bimbingan kepada penghuni pusat-pusat pemulihan tersebut.
42. 20-100073
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pegawai Kerajaan yang telah tamat tempoh perkhidmatannya (bersara) mengikut kategori pada tahun 2001 hingga Jun 2005 dan apakah kriteria-kriteria dalam pelbagai klasifikasi jawatan bagi pegawai-pegawai berkenaan disambung semula perkhidmatannya secara kontrak.
43. 59-100098
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan negeri manakah yang akan diberi keutamaan untuk melaksanakan program atau projek pertanian secara besar-besaran dalam usaha kerajaan mengkomersialkan produk pertanian dan apakah jenis tanamannya.
44. 68-100013
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan lazimnya prestasi ekonomi sesebuah negara diukur dengan prestasi Bursa Saham. Dalam hal ini, mengapakah ada perbezaan di mana kecerdasan Bursa Saham tidak menggalakkan sementara itu laporan KDNK mencecah 7.1% pada tahun 2004.
45. 9-100384
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa ramai orang perseorangan dan berapa banyak syarikat yang dihadapkan ke mahkamah atas penyalahgunaan subsidi petroleum dan berapakah yang didakwa.
46. 70-100030
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian berhubung pengeksportan kereta Proton di beberapa buah negara luar termasuk Asia Barat dan Afrika yang dikatakan angkanya semakin menurun.
47. 20-100060
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes kecurian bayi di hospital Kerajaan sejak tahun 2001 hingga Jun 2005 dan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil di setiap hospital agar perbuatan sedemikian dapat dibendung.

48. 69-100341
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa DRB Hicom dengan tiba-tiba menyerahkan semula "Double Tracking Project" yang telah diberi dan telah dilaksanakan hampir 50 peratus.
49. 45-100180
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelamatkan tanah rizab melayu di Kuala Lumpur ekoran wujud cadangan pembangunan perumahan mewah di kawasan Sungai Penchala dan Kampung Baru.
50. 20-100066
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilangan penyangak-penyangak diesel yang telah dihadapkan ke mahkamah dan adakah Kementerian bercadang mengkaji semula hukuman yang sedia ada.
51. 23-100217
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bilangan tadika-tadika swasta yang wujud dalam negara kita sehingga Mac 2005 dan sejauh manakah pemantauan dibuat dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan agar mata pelajaran dan pembelajaran di tadika-tadika di bandar dan luar bandar adalah setaraf.
52. 41-100212
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membina kekuatan yang ada pada kita untuk menarik lebih pelancong berkunjung ke nagara kita dalam menghadapi pelbagai cabaran dan saingan era globalisasi.
53. 45-100172
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah pemulihan untuk kepentingan pengguna yang diambil oleh Kerajaan ekoran kenaikan Indeks Harga Pengguna (IHP) sebanyak 3.1 peratus pada Mei lalu.

54. 43-100006
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah benar mulai tahun ini semua pelajar IPTA wajib lulus Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) sebelum mereka menamatkan pengajian dan adakah objektif TITAS benar-benar boleh melahirkan siswazah berfikiran luas dan berpandangan sejagat selaras dengan peranan global negara masa kini dan akan datang.
55. 75-100357
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah negara kita khususnya YAB. Perdana Menteri selaku Pengerusi kepada Negara-negara Berkecuali atau The Non-Aligned Movement (NAM), The Organisation of Islamic Conferences (OIC) dan Pegerusi ASEAN boleh membawa negara mencapai tahap pertumbuhan negara yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang di rantau ini dan apakah persediaan dan strategi yang telah dan akan diambil bagi mempertahankan pencapaian tahap tersebut andai kata tempoh tanggungjawab selaku Pengerusi bagi pertumbuhan-pertumbuhan tersebut berakhir kelak.
56. 67-100315
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem kenegaraan dan pentadbiran negara diserlahkan kepada dunia sebagai satu contoh kejayaan sebuah negara Islam dan rakyat bukan Islam yang turut menjadi sebahagian daripada warganegara Malaysia, terutama di dalam konteks modul negara yang akan digunakan di Iraq.
57. 21-100154
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan serta merta untuk memperbaiki dan meluaskan Khidmat Jalur Lebar Internet (Broadband Internet Services) dengan membenarkan lebih banyak Pembekal Khidmat Internet kerana Khidmat Jalur Lebar Streamyx sekarang ini tidak dapat memenuhi keperluan pengguna di Sabah dan Sarawak.
58. 62-100428
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penjelasan mengenai Dasar Perburuhan Negara (DPN) yang telah pun wujud tetapi ianya tidak disebar luas kepada masyarakat. Sebagai asas kepada permintaan dan penawaran pekerjaan di Malaysia, apakah DPN akan digubal kembali bersesuaian dengan perkembangan semasa dunia pekerjaan negara.

59. 60-100286
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah siswazah kolej perubatan yang tidak diiktiraf yang gagal dalam peperiksaan kelayakan perubatan yang ditetapkan oleh Akta Perubatan 1971. Apakah rasional Kerajaan memberikan latihan kepada mereka ini sebelum mengambil peperiksaan kelayakan sedangkan mereka sendiri menuntut di kolej perubatan yang tidak diiktiraf Kerajaan.
60. 29-100404
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang dibelanjakan kepada setiap pelajar untuk tujuan aktiviti ko-kurikulum. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan bagi aktiviti ko-kurikulum.
61. 39-100159
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang akan diambil bagi perlakuan sumbang yang dilakukan oleh remaja di pusat-pusat rekreasi dan tempat-tempat sunyi bagi mengelak berleluasanya kejadian keruntuhan moral di kalangan remaja. Ini kerana tindakan bagi menangani masalah ini perlulah berterusan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.
62. 52-100471
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sistem pemulangan barangan setelah pembelian.
63. 66-100275
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian membuat pemeriksaan selepas meluluskan lesen kepada nelayan laut dalam dan apakah tindakan sekiranya mereka mencero boh ke kawasan nelayan di tepi pantai.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.9/2005) Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.** [18 Julai 2005]
2. (D.R. 11/2005) Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2005 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 13/2005) Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005 “
4. (D.R. 12/2005) Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 “
5. (D.R. 15/2005) Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
6. (D.R. 16/2005) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
7. (D.R. 17/2005) Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
8. (D.R. 14/2005) Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. “
9. 20-100074
Tuan Osman bin Bungsu akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian yang amat serius terhadap pencapaian pelajar-pelajar orang asli di dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang dikatakan amat rendah status pencapaiannya berbanding dengan pelajar-pelajar bumiputera yang lain. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan minat dan pencapaian pelajar berkenaan.

10. 22-100206

Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum negara Myanmar akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2006;

Mengambil maklum kepimpinan Myanmar masih belum mengembalikan sistem demokrasi di negaranya seperti yang digalakkan oleh ASEAN dan komuniti dunia;

Mengambil maklum bahawa pemimpin yang dipilih oleh rakyat, Daw Aung San Suu Kyi masih di bawah tahanan di rumah (house arrest);

Maka Dewan ini mengambil keputusan bahawa Myanmar tidak dibenarkan memegang jawatan pengerusi ASEAN sehingga Daw Aung San Suu Kyi dan semua yang dianggap tahanan politik dibebaskan, dan kepimpinan negara tersebut benar-benar membuka ruang untuk pemulihan demokrasi di Myanmar."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.77	Laporan Tahunan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	19 Julai 2005
ST.81	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	19 Julai 2005
ST.83	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	19 Julai 2005